

BN menang di Kuala Berang hadiah Hari Kebangsaan — Mahathir

Oleh HABIBAH OMAR

KUANG 29 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan kejayaan Barisan Nasional (BN) mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Berang sebagai hadiah Hari Kebangsaan.

Sambil mengucapkan tahniah di atas kejayaan itu, bekas Perdana Menteri itu berkata, kemenangan BN dalam pilihan raya kecil kawasan itu membuktikan orang ramai tidak suka kepada Pas.

"Tahniah, ini satu hadiah untuk Merdeka. Ini bukti apa yang Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang kata mengenai kekalahannya dalam pilihan raya lalu adalah tidak betul.

"BN menang dengan majoriti lebih besar. Alhamdulillah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan kepada 40 warga emas yang merupakan bekas tentera dan polis kawasan DUN Kuang di 3Q Equestrian, di sini hari ini.

Sebelum itu, Dr. Maha-


thir menyampaikan hadiah kepada pemenang Equestrian Merdeka Masters 2004.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kejayaan BN mengekalkan kerusi DUN Kuala Berang, Terengganu setelah calonnya, Mohd. Zawawi Ismail menewaskan calon Pas, Muhyidin Abdul Rashid dengan majoriti undi 2,059 undi pada pilihan raya kecil kawasan itu, semalam.

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas mengenai kewujudan konsortium undi menjelang pemilihan UMNO September ini, beliau berkata: "Konsortium ini bukan baru malahan saya pun pernah dapat tawaran juga tapi lama dahulu.

"Perkara ini saya harap boleh dikikiskan dan mereka yang terlibat perlu dibuang daripada UMNO kerana orang macam ini adalah 'kotor'."

Tambahnya, semua perkara itu bermula dari diri sendiri dan jika mereka memilih orang seperti itu, maka negara akan mendapat orang yang korup.



MAHATHIR Mohamad bersalaman dengan sebahagian remaja selepas menyampaikan sumbangan kepada 40 warga emas yang merupakan bekas tentera dan polis kawasan DUN Kuang di 3Q Equestrian, semalam.